

## PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-I: KEMPEN HLB@WORK 2022/2023

Kemaskini terakhir pada 28 Jun 2022

### Tempoh Kempen

"Kempen *HLB@Work 2022/2023*" ("**Kempen**") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (2005501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 1 Julai 2022 dan tamat pada 30 Jun 2023, ("**Tempoh Kempen**") kecuali dimaklumkan sebaliknya.

### Terma & Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen ("**T&S**"):-

### Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada dan baru ("**Pelanggan**") yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
  - (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
  - (b) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
  - (c) Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada sebelum Tempoh Kempen (berkenaan kepada Pelanggan sedia ada sahaja).
  - (d) Menerima jemputan melalui *E-direct mailer* ("**EDM**") dan/atau dijemput oleh mana-mana kakitangan Bank ("**Kakitangan**") untuk menyertai Kempen ini.
  - (e) Pelanggan yang mendaftar dalam program HLB@Work
  - (f) Dengan bukti pengiktirafan gaji tiga (3) bulan berturut-turut ke akaun simpanan HLB/HLISB Pay & Save/-i akaun simpanan yang ditunjukkan dalam penyata bank Pelanggan
2. Berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
  - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisyiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
  - (b) Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat;
  - (c) Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak dengan Bank; dan
  - (d) Pelanggan yang memegang lebih daripada satu Kemudahan (definisi tertakluk di Jadual 1 di bawah) sedia ada dengan pihak Bank.

### Mekanik Kempen

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Kempen:
  - (a) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu (1) daripada produk Kemudahan berikut dengan tempoh pembiayaan dua (2) hingga lima (5) tahun ("**Tempoh Kemudahan**") dan amaun kemudahan adalah seperti yang tertakluk di Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1**

<b>Kemudahan</b>	<b>Amaun Kemudahan Dipohon*</b>		<b>Tempoh Kemudahan</b>
	<b>Amaun Minima</b>	<b>Amaun Maksima</b>	
Pinjaman Peribadi HLB	RM5,000	RM250,000	
Pembentangan Peribadi-i HLISB	RM 5,000	RM150,000	2 hingga 5 tahun

\*Untuk mengelakkan dari sebarang keraguan, amaun Kemudahan diluluskan tidak semestinya bersamaan dengan amaun Kemudahan yang dipohon oleh Pelanggan.

Untuk tujuan Kempen ini, Pinjaman Peribadi HLB dan Pembentangan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai "**Kemudahan**".

- (b) Permohonan untuk Kemudahan dihantar melalui mana-mana satu saluran permohonan seperti yang tertakluk di Jadual 2 berikut:

**Jadual 2**

<b>Saluran Permohonan</b>	<b>Platform</b>
Luar Talian	Cawangan Bank, Jualan Telefon
Laman Sesawang	Laman Sesawang HLB di <a href="http://www.hlb.com.my/plpayroll">www.hlb.com.my/plpayroll</a>

- (c) Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausus 3 di atas akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**".

#### **Kadar Faedah/Keuntungan Rata untuk Kemudahan**

4. Pelanggan yang Layak yang memohon untuk Kemudahan yang telah diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Julai 2023 layak untuk menikmati **Kadar Faedah/Keuntungan Rata** seperti yang tertera di Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3**

<b>Kadar Faedah/ Keuntungan Rata</b>	<b>Rebat Bayar-Tepat-Masa</b>	<b>Tempoh Kemudahan</b>
10.00% setahun	50%	2 hingga 5 tahun

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif yang terpakai kepada kadar faedah/keuntungan rata 10.00% setahun berbeza daripada 17.27% setahun hingga 18.16% setahun bergantung kepada tempoh pinjaman/pembentangan-i dari 2 – 5 tahun.

Untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan, Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan oleh Bank melalui emel mengenai kelayakan menikmati Kadar Faedah/Keuntungan Rata selepas Kemudahan yang telah diluluskan.

#### **Rebat Bayar-Tepat-Pada Masa untuk Kemudahan**

5. Pelanggan Yang Layak yang memenuhi Klausus 3 and 4 di atas dan membayar ansuran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan

(“Pelanggan Memenuhi Syarat”) akan layak menerima Rebат Bayar-Tepat-Masa di atas jumlah kadar faedah/keuntungan yang perlu dibayar (“Rebat”) seperti mana yang tertakluk di Jadual 3 di atas.

6. Rebат akan dikreditkan kepada akaun Kemudahan Pelanggan yang Memenuhi Syarat setiap bulan selepas tarikh matang ansuran bulanan bulan ketiga belas (13) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum ansuran terakhir untuk Kemudahan (“Tempoh Rebат”). Oleh itu, **Tempoh Rebат akan sentiasa lapan belas (18) bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.** Sebagai contoh, untuk Kemudahan enam puluh (60) bulan, Tempoh Rebат adalah empat puluh dua (42) bulan.
7. Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan yang dihantar sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang Tempoh Kemudahan lima (5) tahun dengan Rebат berkenaan 50% adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 4 dan Jadual 5 di bawah:

**Jadual 4**

Amaun Kemudahan yang Diluluskan*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan Rata (setahun) atas Amaun Kemudahan Diluluskan	Jumlah Faedah/Keuntungan Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan	Ansuran Bulanan semasa Tempoh Tanpa Rebат**
(a)	(b)	(c)	(d)= a x b x c	(e)= (a+d) / (b x 12)
RM5,000	5	10.00% setahun	RM2,500	RM125

\*0.50% daripada Amaun Kemudahan Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan tersebut.

\*\*Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit Malaysia Lima (RM5) terdekat.

**Jadual 5**

Rebat 50% atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan	Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebат	Ansuran bulanan selepas Rebат semasa Tempoh Rebат (dibundarkan ke RM5 terdekat)
(a)	(b) = (a)/Tempoh Rebат	(c) = Ansuran Bulanan – (b)
RM2,500 x 50% = RM1,250	RM1,250/42 bulan = RM29	RM125 – RM29 = RM100

Gambaran visual ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang tempoh lima (5) tahun dengan Rebат berkenaan 50% sepanjang tempoh Kemudahan:



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang bewarna biru.

8. Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan ketiga belas (13) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang dibekalkan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.
9. Untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan, Rebat bulanan yang dikreditkan kepada akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat semasa Tempoh Rebat seperti yang tertera di Klausu 6 akan dianggap sebagai bayaran dahuluan atas ansuran bulanan. Sehubungan itu, ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Memenuhi Syarat adalah selepas potongan amaun Rebat bulanan. Pelanggan Memenuhi Syarat boleh menghubungi Bank untuk maklumat mengenai ansuran bulanan yang perlu dibayar. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan Bank secara bertulis selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan bulan ketiga belas (13) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap sebagai telah menerima Rebat bulanan tersebut daripada pihak Bank.
10. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
  - (a) Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh matang atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkait dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
  - (b) notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum kematangan Tempoh Kemudahan; atau
  - (c) Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

## Umum

11. Dengan menyertai kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini:
  - (i) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
  - (ii) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
  - (iii) bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman Sesawang Bank") pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S
  - (iv) bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Julai 2023 dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 31 Julai 2023 untuk sebarang sebab sekalipun;
  - (v) bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat atas semua Pelanggan yang Layak;
  - (vi) mengesahkan bahawa semua butiran hubungan termasuk alamat dan e-mel yang terdapat di dalam rekod Bank adalah terkini dan bersetuju untuk memaklumkan Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan dan bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak untuk kadar faedah/keuntungan rata

- dan/atau Rebat disebabkan oleh butiran hubungan yang tidak tepat/tidak sah yang dibekalkan oleh Pelanggan yang Layak; dan
- (vii) bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
12. Bank berhak untuk:
- (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan;
  - (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini; dan
  - (iii) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagianya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
13. T&S yang terkandung di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB / Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
14. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
15. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
16. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami. Sebagai alternatif, sila hubungi kami melalui e-mel di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau telefon di 03-76268899.